

PENDEKATAN BAHASA SOPAN DALAM AL-QURAN SATU KAJIAN DARI PERSPEKTIF SURAH YUSUF

Muhamad Fairuz bin Ali¹
Che Radiah binti Mezah, Ph.D²
Mohd Sukki bin Othman, Ph.D³

Abstrak

Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi panduan kepada seluruh umat Islam. Mesej dan bahasa yang disampaikan menggambarkan hikmah dan ilmu yang melimpah untuk para pembaca. Salah satu aspek terpenting ialah penggunaan bahasa yang indah dan sesuai bagi memastikan kejayaan penyampaian mesej di dalamnya. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat pendekatan bahasa sopan dalam al-Quran agar menjadi contoh kepada para pendakwah dan masyarakat dalam menggunakan bahasa sopan kepada para mad'u. Kajian yang berteraskan kualitatif ini memaparkan contoh-contoh bahasa sopan yang terkandung dalam surah Yusuf. Dapatan kajian seterusnya memaparkan beberapa penemuan penggunaan bahasa sopan yang mengandungi nilai pendidikan, kelembutan, hikmah dan tatasusila. Hasil analisis turut menemukan nilai pendidikan akhlak terhadap diri sendiri, golongan wanita, hubungan kekeluargaan dan yang lebih utama, akhlak kepada Allah. Kesimpulannya, kajian tentang pendekatan bahasa sopan ini dapat dijadikan panduan kepada semua golongan dalam aspek penggunaan bahasa yang sesuai pada tempat dan situasinya. Ia juga dapat dijadikan panduan dalam berdakwah secara menyeluruh, berkesan dan multidimensi.

Kata kunci: Bahasa Sopan, Surah Yusuf, Dakwah

PENDAHULUAN

Bahasa adalah satu sistem lambang bunyi yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran (Noresah:2007). Ia adalah untuk menghubungkan antara manusia dan akan terus berkembang jika diberi masa. Ia juga mempunyai pelbagai variasi bergantung kepada laras bahasa yang digunakan seperti bahasa klasik, istana, sains dan sebagainya.

Penggunaan bahasa yang sesuai akan menentukan kejayaan penyampaian sesuatu mesej. Jenis bahasa yang digunakan akan menggambarkan penuturnya sama ada sopan atau tidak. Penggunaan bahasa seperti istilah 'meninggal dunia' adalah dianggap sopan berbanding perkataan lain yang membawa maksud sama seperti 'mampus' atau 'mati' (Noresah:2007).

¹Penulis merupakan pensyarah Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

²Penulis merupakan pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

³Penulis merupakan pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Bahasa yang baik juga dapat membentuk persekitaran yang baik serta memberi kesan kepada penerimanya. Dalam satu kajian oleh pengamal media mendapati individu dan Bahasa yang digunakan adalah berhubungkait antara satu sama lain. Jika sumber Bahasa itu adalah baik maka baiklah bahasa yang digunakan dan sebaliknya (Mohd Yahya et. all:2013).

Salah satu sifat manusia yang dapat membezakan kita dengan makhluk lain ialah amalan kesantunan dalam interaksi. Strategi kesantunan ini dapat dilihat secara linguistik atau non-linguistik yang melibatkan bahasa tanpa lisan. Hal ini adalah untuk menjaga air muka dan hubungan baik sesama manusia serta menunjukkan seseorang penutur itu berpendidikan tinggi dan berhikmah sekiranya mengamalkan amalan kesantunan ini (Marlyna:2011).

KEPENTINGAN BAHASA DALAM PENYAMPAIAN MESEJ

Banyak pesanan dakwah yang tidak sampai kepada kumpulan sasar kerana kegagalan menggunakan bahasa dalam menyampaikannya. Bahasa yang digunakan tidak tepat sehingga pesanan yang disampaikan tidak dapat difahami dengan baik oleh penerima dakwah (Zikmal:2009).

Kesukaran ini juga berlaku kerana perkataan yang digunakan belum tentu sesuai untuk para pendengar. Hal ini kerana mereka berasal dari pelbagai latar belakang yang berbeza, status, usia, budaya, pendidikan dan sebagainya (Zikmal:2009).

Negara kita juga tidak terkecuali dari berhadapan dengan krisis sosial khususnya dalam berbahasa. Pengabaian penggunaan bahasa yang sopan dilihat semakin menular sama ada dalam situasi tidak rasmi atau situasi rasmi. Dalam persidangan Dewan Rakyat umpamanya, ada dalam kalangan ahli Yang Berhormat tidak segan silu menggunakan bahasa yang tidak sopan semasa dalam perbahasan sehingga diminta untuk menarik balik kenyataan tersebut. Begitu juga penggunaan bahasa dalam media massa seperti akhbar, majalah, pengiklanan, laman sesawang dan sebagainya yang bebas mengutuk, mengkritik tanpa sempadan dan berkomunikasi sambal lewa (Reduan:2014).

Penggunaan bahasa yang tidak sopan juga turut digunakan oleh golongan remaja ketika mereka berkomunikasi dengan orang yang lebih dewasa. Malahan ada dalam kalangan remaja yang memanggil para ilmuan dengan panggilan 'awak' sahaja.

PERANAN BAHASA SOPAN

Pemikiran pragmatik yang meluas baru-baru ini menjadi salah satu punca lunturnya nilai-nilai budaya bangsa. Fenomena gaya hidup moden, meniru budaya Barat serta berpegang kepada logik akal semata-mata melemahkan moral bangsa yang terkenal dengan ramah, santun, luhur dan berbudi (Saudah:2014).

Mahasiswa juga tidak lari dari terkena tempias ini. Golongan ini dikaitkan dengan kegagalan menepati disiplin dan menjadi manusia bertanggungjawab apatah lagi dalam hal berkaitan media massa yang drastik menjadikan mereka lantang berkata-kata dan berhujah tanpa diselidiki terlebih dahulu (Norhidayah:2016).

Bidang dakwah banyak menggunakan bahasa sebagai penghubung dan penyampaian bahan dakwah. Antara metod yang boleh digunapakai ialah penggunaan bahasa persuasif (Zikmal & Ahmad A'to'a:2014). Bahasa persuasif bermaksud mempengaruhi golongan yang disasarkan

sehingga mereka menerima ajakan *dai* (Pendakwah). Bahasa ialah alat pengantaraan. Kegagalan para *dai* menggunakan alat ini dengan baik boleh menyebabkan kegagalan dakwah itu sendiri.

Nik Muhammad Zawawi dan Abdul Ghaffar (2014) dalam kajian mereka yang menyentuh tentang pendekatan dakwah kepada masyarakat Buddha di Kelantan merumuskan, antara faktor kegagalan para *dai* untuk berdakwah kepada penganut agama Budha di Kelantan adalah disebabkan penggunaan bahasa dan gaya pengucapan yang salah. Hal ini seterusnya menyebabkan *mad'u* berasa jauh dan hilang minat dengan apa yang ingin disampaikan.

Justeru, penggunaan bahasa yang tepat dan sopan adalah amat penting untuk dikaji agar masyarakat kini khususnya para *dai* mampu berhujah dan berbicara dengan hikmah serta dakwah Islam yang ingin disampaikan itu menjadi dekat di hati pendengar.

Dalam surah Toha, ayat ke-44 mengatakan:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: Hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut. (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 779)

Ayat ini merujuk kepada Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS yang diperintahkan berdakwah kepada Fir'aun dengan kata-kata yang lembut. Frasa (قَوْلًا لَّيِّنًا) merujuk kepada kata-kata yang lemah-lembut, tidak menimbulkan perasaan berbangga, tidak angkuh dan membangkitkan kesedaran hati untuk dihayati (Qutub:1996).

Dalam surah Ibrahim ayat 24 hingga 25 pula menjelaskan:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ
بِإِذْنِ رَبِّهَا ۗ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 601-602)

Perkataan yang baik itu bermaksud kata-kata yang benar dan kebenarannya terbukti sehingga jika digoncang ia tidak akan berganjak. Ia menggambarkan konsep keteguhan dalam kebaikan sehinggalah ia akan berakhir dengan kebaikan juga (Qutub:1996).

Realitinya hari ini umat Islam semakin jauh dari landasan Islam yang sebenar. Perbalahan sering timbul sesama jiran, anak yang berkasar dengan ibu bapanya, pelajar yang tidak menghormati guru, dan banyak lagi masalah yang berpunca daripada komunikasi dan bahasa yang tidak sopan (Hamiza:2012). Permasalahan ini berpunca daripada diri mereka sendiri yang tidak mengamalkan Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Berdasarkan perkara di atas, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji dan menganalisis salah satu surah dalam al-Quran, iaitu surah Yusuf dengan memfokuskan kepada bahasa sopan yang digunakan di dalamnya. Kajian ini mampu menghasilkan satu tatacara berkomunikasi atau berbahasa dengan sopan dan menjadi contoh kepada pelajar mahupun guru dalam berkomunikasi dengan sopan dan berkesan.

DEFINISI OPERATIONAL

Kajian ini akan dijalankan melibatkan penggunaan istilah sebagaimana berikut:

1. Bahasa:

Bahasa merupakan unsur yang penting dalam menzahirkan kesantunan. Kesantunan ini merangkumi perungkapan yang manis, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran. Sifat-sifat ini dapat disalurkan melalui bahasa figuratif dan konotatif yang memiliki ambiguiti tinggi. (Tuan Jah:tt)

2. Bahasa Sopan:

Kajian ini juga berfokus kepada penggunaan bahasa sopan dan bukanlah aspek kesantunan bahasa. Beza antara kedua-dua skop ini sebagaimana dalam jadual di bawah (Asmah:2007):

Aspek	Bahasa Sopan	Kesantunan Bahasa
Maksud	Halus bahasa, beradab	Sifat kesopanan, budi pekerti.
Penggunaan bahasa	Berbahasa secara halus, hindari konflik dalam komunikasi.	Penggunaan bahasa baik, sopan, beradab, menunjukkan penghormatan.
Konteks	-	Melibatkan masyarakat, tempat, situasi.
Strategi	-	Melibatkan penggunaan strategi tertentu.
Faktor	-	Faktor kesedaran, peranan, pengetahuan, taraf sosial dan lain-lain.
Jenis	-	Kesantunan asas dan berkala.
Model	-	Model kesantunan Asmah (2000), Moden Kesantunan Lakoff (1975),

Sumber: Asmah Omar (2007)

Berdasarkan perbezaan diatas kajian ini akan memberi penekanan kepada penggunaan bahasa sopan dalam surah Yusuf. Memandangkan kajian ini bukan berteraskan kesantunan bahasa, jadi ia tidak melibatkan sebarang teori, strategi, faktor, jenis dan model kajian yang digunakan. Hanya lebih berfokus kepada penggunaan bahasa yang halus dan indah yang ditemui dalam surah Yusuf sahaja.

KAJIAN TENTANG BAHASA SOPAN

Analisis tentang bahasa sopan telah dijalankan oleh beberapa pengkaji. Antaranya Nurul Hamiza, Zikmal dan Ahmad 'Ato'a. Nurul Hamiza (2012) mengkaji Sifat Beradab dari Perspektif Pendidikan

Menurut Imam Nawawi dalam Kitab *Riyad al-Salihin*. Beliau mendapati penggunaan bahasa sopan adalah salah satu daripada sifat beradab yang mampu mencerminkan akhlak yang tinggi dan sifat terpuji seseorang.

Manakala Zikmal dan Ahmad 'Ato'a (2014) pula telah meneliti Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah. Mereka membuktikan bahawa para *dai* perlu menggunakan bahasa yang sesuai dan lembut untuk mendekati dan mempengaruhi para *mad'u*. Penggunaan bahasa yang kasar, keras, menyalahi budaya dan bersifat negatif menjadi punca utama kepada kegagalan dakwah yang ingin disampaikan.

Zikmal seterusnya mengkaji tentang Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah, dari persektif al-Quran. Beliau mendapati seorang *dai* dalam menyampaikan dakwahnya harus menggunakan bahasa dakwah yang efektif, berkualiti dan mencapai sasaran serta mempunyai pengaruh terhadap hati dan akal fikiran. Keberhasilan dakwah yang dilaksanakan sangat bergantung kepada penggunaan bahasa dakwah yang tepat dan jitu.

Noor Hatini dan Siti Saniah (2011) juga mengkaji tentang bahasa sopan dalam artikel bertajuk Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani. Kedua-dua novel ini digunapakai dalam silabus kebanyakan negeri di Semenanjung. Kajian ini mendapati bahasa sopan mencapai tahap 57 peratus penggunaannya di dalam kedua-dua novel ini. Justeru para guru perlu memberi penekanan dan perhatian sewajarnya agar dapat melahirkan pelajar dan masyarakat yang lebih santun dalam pemilihan bahasanya.

BAHASA SOPAN DALAM AL-QURAN DAN PEMILIHAN SURAH YUSUF

Al-Quran merupakan sumber pertama bagi umat Islam dalam memahami Islam. Al-Quran tidak mengalami sebarang keraguan padanya dan tidak berubah walau sedikitpun sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah SWT untuk memelihara al-Quran sehingga ke hari Kiamat. Al-Quran itu sendiri juga ialah wadah untuk berkomunikasi antara manusia dan Allah SWT. Maka, memahami al-Quran adalah perlu dan bukan sahaja memahami dari segi hukum-hakam semata-mata tetapi juga dari aspek linguistik dan keindahan di dalamnya.

Al-Quran menggunakan bahasa Arab untuk menyampaikan pesan-pesan Ilahi kepada manusia. Justeru, dalam surah Yusuf ditemukan ibrah, kisah, dan nasihat yang menyentuh hati pembaca dengan kekuatan dan kesabaran Baginda AS yang tinggi (Solah: 2015).

Surah Yusuf ini dipilih kerana Allah telah menyatakan bahawa kisah ini merupakan (أحسن القصص) yang bermaksud sebaik-baik kisah untuk dijadikan iktibar bagi manusia dalam perjuangan hidup sehingga mereka dapat menghilangkan keluhan yang datang menimpa (Hamka:1999).

Oleh kerana itu, kajian ini akan membincangkan pendekatan bahasa sopan dalam surah Yusuf serta beberapa istilah yang berkaitan agar menjadi pedoman dan model kepada masyarakat ketika menyampaikan sesuatu mesej.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berikut dipaparkan analisis bahasa sopan dalam surah Yusuf yang ditemui dalam ayat 4 hingga ke ayat 101 yang menceritakan perihal Nabi Yusuf AS (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 539). Surah ini menceritakan tentang berbagai penderitaan dan kesabaran Nabi Yusuf AS dalam menempuh ujian dan akhirnya selamat dan berjaya dengan kejujuran dan iman yang teguh.

(1) Gambaran Perempuan al-Aziz (Zulaikha)

Bahasa sopan yang dikenalpasti dalam surah Yusuf ini antaranya adalah ketika Allah SWT menggambarkan perempuan yang menggoda Nabi Yusuf AS, iaitu ibu angkatnya. Hal ini sebagaimana ayat berikut:

وَرَاوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ ۖ وَعَلَقَتْ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ ۚ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ ۚ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ ۗ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya; dan perempuan itupun menutup pintu-pintu serta berkata: “Marilah ke mari, aku bersedia untukmu”. Yusuf menjawab: “Aku berlindung kepada Allah (dari perbuatan yang keji itu); Sesungguhnya Tuhanku telah memeliharaaku dengan sebaik-baiknya; sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya”. (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 547)

Ayat ini dengan ringkas menerangkan tentang babak yang mana perempuan al-Aziz mengajak Nabi Yusuf AS untuk berzina. Dua perkara yang menjadi perhatian utama pengkaji adalah seperti berikut:

1. Tidak dinyatakan gambaran perempuan al-Aziz itu bagaimana dan pembaca tidak membayangkan akan perkara-perkara yang sinonim dengan watak seorang perempuan. Malah, nama Zulaikha itu sendiri bukanlah sebagaimana yang tertera dalam al-Quran. Hanya disebut sebagai (امرأة عزيزة).
2. Isyarat perempuan al-Aziz menggoda Nabi Yusuf AS tidak keterlaluan hanya sekadar kalimah (راودته) dan (هيئت لك) sahaja. Penceritaan tentang cara wanita ini menggoda Nabi Yusuf AS tidak dibahaskan secara mendalam. Cukup sekadar digambarkan dengan perkataan (راودته) sahaja tanpa digambarkan babak pelukan dan mesra sebagaimana yang diceritakan oleh beberapa kisah *Isra'iliyyat* yang menggambarkan sebaliknya (Abu Syahbah:2014).

Hal ini menolak segala tanggapan dan kisah *Isra'iliyyat* yang banyak mengatakan bahawa Nabi Yusuf AS melihat gambar ayahnya di dinding ketika kejadian, atau Baginda dalam keadaan menggigit jari. Lebih membimbangkan lagi berlaku penceritaan yang menggambarkan keinginan seks Baginda telah menolak sifat *maksum* yang ada pada para Nabi. Semua ini adalah *Isra'iliyyat* dan tidak boleh diterima (Abu Syahbah:2014).

(2) Jawapan Nabi Yusuf AS untuk menjaga kemuliaan diri

Seterusnya, penggunaan bahasa sopan dan hikmah ditemui dalam surah Yusuf sebagaimana ayat berikut:

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: Yusuf (Merayu kehadiran Allah Ta'ala dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara dari apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Dan jika Engkau tidak menjauhkan daripadaku tipu daya mereka, mungkin aku akan cenderung kepada mereka, dan aku menjadi dari orang-orang yang tidak mengamalkan ilmunya". (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 550)

Lihatlah jawapan yang telah diberikan oleh Baginda yang menjaga kemuliaan diri. Baginda telah meminta Allah memalingkan tipu daya mereka (كيدهن) bahkan penjara (السجن) adalah tempat yang lebih baik (Muhammad:2014). Beberapa perkataan seperti (كيدهن) dan (تراود فتاها عن نفسه) juga sebenarnya bermaksud memujuk kepada zina dengan Nabi Yusuf AS.

(3) Dakwah dalam penjara

Semasa di dalam penjara, Nabi Yusuf AS telah berkata kepada dua orang rakannya dengan penuh hikmah. Antaranya sebagaimana yang dirakamkan dalam ayat berikut:

يٰۤاَصْحٰبَ السِّجْنِ ؕ اَرٰبَابُ مُتَفَرِّقُوۡنَ خَيْرٌ اَمِ اللّٰهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa? (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 551-552)

Ayat ini adalah selepas Nabi Yusuf AS masuk ke dalam penjara bersama-sama dua orang pesalah yang lain. Ketika di dalam penjara, dua orang rakan Baginda itu inginkan Baginda untuk mentafsir mimpi mereka. Namun, Nabi Yusuf AS tidak terus memberi tafsiran. Ada dakwah yang disampaikan terlebih dahulu daripada menunaikan hajat rakannya itu yang bukan menyembah Allah SWT. Nabi Yusuf AS membuat perbandingan antara (أرباب متفرقون) dan (الله الواحد القهار).

Menurut Sayyid Qutb (1994), ia adalah ucapan yang tepat pada masanya dari segi psikologi untuk memasukkan dakwah kepada Allah SWT ke dalam hati dua orang pemuda yang bersama Baginda dalam penjara. Ia adalah pendekatan yang halus, sedikit demi sedikit menyelinap di dalam hati mereka sebelum memulakan langkah menyampaikan ajaran tauhid kepada mereka.

Hamka (1999) turut menyatakan bahawa ini adalah teknik dakwah terpenting yang mana Baginda tidak terus memberitahu makna mimpi mereka tetapi diterangkan terlebih dahulu akan pegangan hidup yang benar di dunia dan Akhirat. Al-Qarni (2007) menambah, di sinilah usaha dakwah sedikit demi sedikit Baginda bermula untuk mengubah akidah dua orang rakannya dari menyembah berhala kepada menyembah Allah SWT yang Esa.

Dalam surah ini juga ditemukan 12 perkataan (رب) yang menggambarkan bahawa pendekatan ini menunjukkan bahawa masyarakat pada zaman Nabi Yusuf AS sedang dididik dengan Tauhid Rububiyyah atau mengesakan Allah SWT (Sayyid Qutb:1994).

(4) Melayani Saudara Dengan Sebaiknya

Seterusnya penggunaan bahasa sopan dalam surah ini dapat dikenalpasti ketika adik beradik Nabi Yusuf AS berbicara dengan ayahnya dengan menggunakan bahasa yang lembut, sebagaimana ayat berikut:

قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْتِنَا عَلَىٰ يَوْسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَنْصِحُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: Mereka pun (pergi berjumpa dengan bapa mereka lalu) berkata: Wahai ayah kami! Mengapa ayah tidak percara kepada kami tentang Yusuf, padahal sesungguhnya kami sentiasa tulus ikhlas mengambil berat kepadanya?” (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 543)

Ayat ini menggambarkan perkataan dan laras bahasa saudara nabi Yusuf AS dalam usaha memujuk bapa mereka. Mereka juga masih menggunakan perkataan (يأبانا) yang bermaksud “wahai bapa kami”. Kata-kata menarik ini telah mengingatkan hubungan mesra antara mereka (Sayyid Qutb:1994)

Frasa (يأبانا) juga telah diulang sebanyak lima kali dalam ayat ke-17, 63, 65, 81, dan 97. Ini mengingatkan bahawa hubungan baik antara anak dan bapa kekal terjalin dalam bahasa yang indah dan sopan.

Seterusnya hubungan baik ini dijelaskan lagi dalam ayat berikut:

وَلَمَّا جَهَّزَهُم بِجَهَّازِهِمْ قَالَ أَتْتُونِي بِأَخٍ لَّكُمْ مِّنْ أَبِيكُمْ ؕ أَلَا تَرَوْنَ أَنِّي أُوْفِي الْكَيْلَ وَأَنَا خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan tatkala Yusuf menyediakan untuk mereka bekalan makanan, berkatalah ia: “(Pada lain yang kali) bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu lihat bahawa aku menyempurnakan bekalan makanan kamu, dan bahawa aku sebaik-baik penerima tetamu?” (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 564)

Ayat di atas menunjukkan layanan yang baik oleh nabi Yusuf AS kepada adik-beradiknya meskipun mereka pernah membuang Baginda di dalam perigi. Nabi Yusuf AS mengenali mereka namun mereka tidak mengenali nabi Yusuf AS kerana mereka sedang berhadapan dengan seorang perdana menteri yang lengkap berpakaian kebesaran serta dihiasi tanda-tanda penghargaan yang berkilauan. Mereka tidak menyangka itu adalah adik yang mereka pinggir dan campakkan ke dalam telaga (Muflikhatul:2014).

Ayat yang lain pula ada menyebut frasa (فأسرها يوسف في نفسه) yang bermaksud nabi Yusuf AS menyembunyikan perasaannya di dalam hati ketika ini adik-beradiknya berkata sesuatu yang buruk tentang adik kandungnya Bunyamin dan dirinya sendiri. Nabi Yusuf AS menahan marah apabila adik-beradiknya mengatakan bahawa Bunyamin dahulunya ialah seorang pencuri (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 564).

(5) Allah SWT tempat mengadu kesusahan

Ayat berikut menceritakan jawapan nabi Ya'qub AS kepada anak-anaknya setelah kehilangan Bunyamin.

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَنِي بِهِمْ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٥٦٥﴾

Maksudnya: (Setelah mereka kembali dan menyampaikan hal itu kepada bapa mereka) berkatalah ia: “(Tidaklah benar apa yang kamu katakana itu) bahkan nafsu kamu telah memperelokkan pada pandangan kamu suatu perkara (yang kamu rancangkan). Jika demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, mudah-mudahan Allah mengembalikan mereka semua kepadaku. Sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 565)

Ungkapan ini menunjukkan ketauhidan Uluhiyyah yang tinggi dalam hati seorang bapa, iaitu nabi Ya’kub AS yang diberitakan kehilangan seorang anak (Bunyamin), setelah lama dahulu ia kehilangan seorang lagi anaknya iaitu nabi Yusuf AS. Ungkapan ini membuktikan nabi Ya’kub AS bergantung rapat dan mempunyai hubungan kukuh dengan Allah SWT. Inilah bukti nilai keimanan kepada Allah SWT di samping makrifat terhadap qudrat dan rencana dari Allah SWT (Sayyid Qutb:1994).

Sabar yang dibicarakan adalah (فصبر جميل). Hal ini kerana ada orang yang sabar tetapi masih merungut, sedih, meratap tangis, meraung dan sebagainya tetapi sabar yang dibicarakan oleh nabi Ya’qub adalah sabar dan reda serta beriman kepada Allah.

(6) Ayah Nabi Yusuf AS buta matanya.

Semasa ayah nabi Yusuf AS iaitu nabi Ya’qub AS menerima berita akan penangkapan Bunyamin, ayat berikut menjelaskan sesuatu yang menarik untuk dibincangkan.

وَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَا سَفَىٰ عَلَىٰ يَوْسُفَ وَأَبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ الْحُزَنِ فَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٥٦٦﴾

Maksudnya: Dan (bapa mereka – Nabi Ya’qub) pun berpaling dari mereka (kerana berita yang mengharukan itu) sambil berkata: “Aduhai sedihnya aku kerana Yusuf”, dan putihlah kedua belah matanya disebabkan ratap tangis dukacitanya, kerana ia orang yang memendamkan marahnya di dalam hati. (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 566)

Dijelaskan oleh Wahbah al-Zuhaily (1998), frasa (ابيضت عيناه) yang bermaksud ‘Putihlah kedua belah mata’, bererti sejenis penyakit mata atau buta. Hal ini kerana nabi Ya’kub AS banyak menangis kerana rentetan peristiwa nabi Yusuf AS hilang semasa keluar bermain bersama-sama saudaranya. Nabi Ya’qub tetap tidak mempercayai cerita dari adik-beradik nabi Yusuf AS dan banyak menangis lalu matanya menjadi buta.

Melalui penggunaan warna putih ini dapat menunjukkan bahawa ia menghadirkan maksud yang lebih jelas, mewujudkan suasana, mempengaruhi cara pandang seseorang, berkaitan nikmat dan diinterpretasikan dengan sebaik mungkin (Munirah:2013).

KESIMPULAN

Dari huraian di atas, jelas menunjukkan penggunaan bahasa sopan dalam surah Yusuf mendatangkan nilai-nilai keindahan kepada pembaca yang menghayati. Laras bahasa ini bukan

sahaja menarik untuk didengari tetapi juga mampu menyampaikan mesej mendalam agar kisah terindah ini menjadi ingatan dan pedoman semua.

Secara umumnya, seseorang itu perlu menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan dan menyampaikan mesej. Hal ini kerana bahasa yang sopan itu mampu mempengaruhi seseorang ke arah kebaikan. Mesej dakwah yang disampaikan juga akan mudah diterima seterusnya dalam mengajak mad'u kepada arah yang ingin ditujui.

Bahasa yang sopan juga merupakan cerminan kepada peribadi seseorang. Bahasa ini memberi implikasi kepada seseorang itu apabila berada di tengah-tengah masyarakat sama ada ia disukai kerana bahasanya atau tidak disukai kerana bahasa yang digunakan mencerminkan sikap dan perilakunya yang kasar (Rusdi:2013).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad (2014). *Isra'iliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-kitab Tafsir*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Kuala Lumpur.

Al-Qarni, Aidh Abdullah (2007). *Nabi Yusuf dalam al-Quran (terj)*. Al-Hidayah Publication. Batu Caves.

Asmah Omar (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1999). *Tafsir al-Azhar. Jilid 5*. Singapura. Pustaka National Pte Ltd.

Marlyna Maros (2011). *Strategi Kesantunan Melayu Dalam Membuat Teguran*. Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu. Jilid 3: Universiti Teknologi Nanyang Singapura.

Mohd Yahya, Sharil Nizam & Jessica Ong (2014). *Penggunaan Bahasa dalam Bahan Perhubungan Media di Malaysia*. Prosiding Seminar Antarabangsa Psikoolinguistik III, Psikolinguistik dalam Masyarakat. Universiti Putra Malaysia. Serdang.

Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Nur Asilah Ibrahim dan Khadher Ahmad (2013). *Warna Putih Menurut Perspektif Al-Quran dan Hadith: Satu Analisis Awal*. International Journal on Quranic Research. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Muflikhatul Karomah (2014). *Tafsir Surat Yusuf ayat 58-62 (Kajian Nilai Pendidikan Akhlak)*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah. Jakarta.

Nik Muhammad Zawawi dan Abdul Ghaffar (2014). *Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat Buddha di Negeri Kelantan*. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Noresah, B. (2007). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar (2011). *Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani*. Jurnal Bahasa Jilid 11 Bilangan 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhidayah Mohamed Noor (2016). *Membentuk Sahsiyah Mahasiswa Yang Berkaliber*, Dewan Siswa, Mei. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Hamiza Nodzari (2012). *Kajian Teks Sifat Beradab dari Perspektif Pendidikan Menurut al-Imam al-Nawawi dalam Kitab Riyad al-Salihin*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Reduan Abang Amir (2014). *Penggunaan Strategi Kesantunan Bahasa Dalam Pantun Melayu Tradisional*. Prosiding Seminar Antarabangsa Psikoolinguistik III, Psikolinguistik dalam Masyarakat. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Rusdi Room (2013). *Konsep Kesantunan Berbahasa Dalam Islam*. Jurnal Adabiyah Siri 13. Dosen Bahasa dan Sastra Indonesia. Universiti Islam Makassar.
- Siti Saudah (2014). *Bahasa Positif Sebagai Sarana Pengembangan Pendidikan Moral Anak*. Jurnal al-Ulum Jun 2014. Institut Sains & Teknologi 'AKPRIND': Yogyakarta
- Tuan Jah Tuan Yusuf, Dr. (tt) *Kesantunan Bahasa Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Kemahiran Komunikasi Berkesan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. IPG Lembah Pantai. Kuala Lumpur.
- Zikmal Fuad (2015). *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah (Satu Kajian dari Perspektif al-Qur'an)*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Jilid II. September 2015. Kolej Universiti Islam Selangor.
- Zikmal Fuad dan Ahmad 'Ato'a Mokhtar (2014). *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah: Satu Sorotan Ringkas*. International Research Management and Innovation Conference. November 2014. Kolej Universiti Islam Selangor.

الزحيلي، وهبة (١٩٩٨). *التفسير المنير في العقيدة والشريعة والمنهج*. الجزء الثاني. بيروت. دار الفكر المعاصر.

سيد القطب (١٩٩٤). *في ظلال القرآن*. بيروت. دار المشرق.

صلاح محمد زكي (٢٠١٥). *أساليب الحكمة في القرآن الكريم لدعوة النفس البشرية إلى الهدى*. تفعيل القيم القرآنية في المجتمع. المجلد الثاني. الجامعة العلمية الإسلامية الماليزية. تفعيل القيم القرآنية في المجتمع. المجلد الثاني. الجامعة العلمية الإسلامية الماليزية.